

Kursus ini dikendalikan
dalam Bahasa Melayu

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

Inisiatif 6.2.4, Pelan Antirasuah Negara (NACP) 2020 - 2023
Program latihan yang diterajui oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama 18 agensi peneraju
termasuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

SINOPSIS KURSUS

Garis Panduan Tatacara Mencukupi telah dilancarkan pada 10 Disember 2018 selaras dengan Subseksyen (5) Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 seperti yang termaktub dalam Akta SPRM (Pindaan) 2018.

Seksyen 17A Akta SPRM (Pindaan) 2018 yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 telah memperkenalkan konsep Liabiliti Korporat. Sebuah organisasi komersial boleh dikenakan hukuman atas tindakan memberi atau menawarkan suapan oleh orang yang bersekutu demi kepentingan organisasi komersial tersebut.

Institut Integriti Malaysia (IIM) bersama 18 agensi peneraju termasuk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah membangun modul latihan berkenaan pelaksanaan Tatacara Mencukupi oleh organisasi komersial. Kursus latihan ini ditawarkan kepada pihak pengurusan semua sektor perniagaan yang termasuk di bawah takrifan organisasi komersial seperti entiti-entiti berikut:

- Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016;
- Syarikat asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia;
- Perkongsian dan perkongsian liabiliti terhad yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian 1961 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan
- Perkongsian dan Perkongsian Liabiliti Terhad asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

LIABILITI KORPORAT	SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009	TATACARA MENCUKUPI
<p>Seksyen 17A Akta SPRM 2009 adalah satu peruntukan yang menetapkan prinsip liabiliti korporat yang mana organisasi komersil adalah didapati melakukan suatu kesalahan jika mana-mana pekerja dan/ atau bagi pihak bersekutunya melakukan rasuah untuk pihak organisasi tersebut. Bagaimanapun, organisasi korporat boleh membela diri jika dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai 'Tatacara Mencukupi' dalam operasi organisasi mereka.</p> <p>Liabiliti korporat secara amnya adalah bermaksud tanggungjawab yang diletakkan ke atas sebuah badan korporat atas tindakan yang diambil atau tidak diambil oleh orang yang bersekutu dengan badan korporat tersebut di mana pelakuan itu adalah dengan niat untuk memastikan terdapat manfaat kepada badan korporat tersebut.</p>	<p>Seksyen 17A(1) Akta SPRM 2009 telah menyatakan seperti berikut: -</p> <p>(1) Suatu organisasi komersil melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersil itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat:</p> <ol style="list-style-type: none"> Untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersil itu; atau Untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam m e n j a l a n k a n perniagaan bagi organisasi komersil itu. 	<p>Tatacara Mencukupi adalah satu-satunya mekanisme pembelaan sekiranya sebuah organisasi komersil dituduh di bawah Seksyen 17A Akta SPRM(Pindaan) 2018. Ia adalah sebuah sistem atau amalan yang menunjukkan usaha organisasi komersil untuk menghalang sebarang perlakuan rasuah oleh orang yang bersekutu dengannya. Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Tatacara Mencukupi bagi membantu organisasi komersil membangunkan dan melaksanakan Tatacara Mencukupi.</p>

OBJEKTIF KURSUS

Pada akhir program modul latihan ini, peserta akan dapat:



- Memahami keperluan asas peruntukan perundangan berkenaan liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan perinciannya seperti tertakluk pada Akta.
- Mengenal pasti strategi, kaedah dan elemen untuk memaksimumkan keberkesanan program pencegahan rasuah dalam organisasi mereka melalui elemen "T.R.U.S.T." sebagai asas dalam pelaksanaan tatacara mencukupi.
- Membantu organisasi komersil memahami dan mengaplikasi tatacara mencukupi dalam organisasi masing-masing bagi tujuan membendung gejala rasuah serta mematuhi Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

HASIL PEMBELAJARAN

Dengan menghadiri kursus ini, para peserta akan dapat:



- Menerangkan kepentingan peruntukan perundangan liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan perinciannya.
- Mengenal pasti keperluan undang-undang liabiliti korporat yang terlibat bagi sesebuah organisasi komersial dalam usaha untuk mengelakkan perlakuan rasuah.
- Memahami dan menentukan kaedah tatacara mencukupi yang sesuai bagi sesebuah organisasi komersial dan bagaimana ini dikaitkan dengan piawaian global mengenai prosedur antirasuah.

KANDUNGAN KURSUS

Latihan ini terbahagi kepada empat (4) modul seperti berikut:



- **Modul 1:** Pengenalan dan latar belakang kepada undang-undang liabiliti korporat.
- **Modul 2:** Pendefinisian dan perincian klausa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009.
- **Modul 3:** Tatacara Mencukupi (Bahagian 1) - Tatacara mencukupi sebagai usaha mengelak liabiliti korporat, prinsip T.R.U.S.T. dalam tatacara mencukupi, komitmen pengurusan atasan, pengurusan risiko dan contoh-contoh & elemen-elemen pelaksanaan.
- **Modul 4:** Tatacara Mencukupi (Bahagian 2) - Pelaksanaan langkah kawalan, pemantauan, penilaian dan penguatkuasaan sistematik, latihan dan komunikasi dan contoh-contoh & elemen-elemen pelaksanaan.

KUMPULAN SASARAN

Modul latihan ini disasarkan kepada (tetapi tidak terhad kepada) ahli-ahli lembaga pengarah, ketua-ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai pematuhan, risiko & integriti, pengurusan kanan organisasi, pegawai undang-undang dan sesiapa sahaja yang ingin mengetahui berkenaan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan tatacara mencukupi.

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

MAKLUMAT PENCERAMAH

Md Ibnu Hisyam Mohamad merupakan pegawai dari Bahagian Pematuhan Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Beliau mula berkhidmat di SSM pada tahun 2016. Beliau bertanggungjawab memantau kompetensi setiausaha syarikat bagi memastikan tadbir urus korporat yang baik di Malaysia. Selain itu, beliau juga bertanggungjawab terhadap aduan yang dikemukakan ke SSM terhadap setiausaha syarikat. Sepanjang perkhidmatan beliau, beliau telah menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan pematuhan di pelbagai firma kesetiausahaan (firma berskala kecil hingga besar). Pada Februari 2023, Hisyam telah ditempatkan ke Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan, SSM yang bertanggungjawab dalam membangunkan dan menjayakan projek SSM berkaitan Pengurusan Data. Beliau juga bertanggungjawab bagi pelaporan dan statistik di SSM.

Pada Disember 2021, beliau telah menerima pensijilan Train-The-Trainer (TTT) bagi program Anti-Money Laundering & Countering Financing of Terrorism (AML/CFT) For Designated Non-Financial Businesses and Professions (DNFBPS) yang dianjurkan oleh Asian Banking School dan disokong oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau juga merupakan ahli SSM Trainers Development Hub for AML/CFT dan penceramah yang diiktiraf dengan sijil Train-The-Trainer (TTT) daripada HRD Corp.

Sebelum berkhidmat di SSM, beliau berkhidmat dengan Peneraju, agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan projek daripada pelbagai organisasi termasuk Malaysia Airline Berhad (MAB) dan MARA.

Hisyam berkelulusan Sarjana Ekonomi dari Eastern Michigan University, United States of America.

Premeelan A/L Sundararajoo merupakan pegawai dari Bahagian Pematuhan Korporat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Beliau mula berkhidmat di SSM pada Januari 2018. Beliau adalah pengurus projek bagi platform SSM "Online Business Alert" untuk pemantauan perniagaan dalam talian. Kini, beliau bertugas di Unit Pemantauan Juruaudit dan Pelikuidasi yang bertanggungjawab memantau terhadap kes aduan yang dikemukakan ke SSM terhadap Juruaudit serta menjalankan pemantauan pematuhan dan pengawasan terhadap pelbagai firma juruaudit (firma berskala kecil hingga besar).

Sebelum menyertai SSM, beliau berkhidmat di Pejabat Setiausaha Syarikat, syarikat Fast Moving Consumer Good (FMCG) dan sektor pendidikan.

Premeelan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perbankan Dan Kewangan (Kepujian) dari Universiti Multimedia. Beliau merupakan penceramah yang diiktiraf dengan sijil Train-The-Trainer (TTT) daripada HRD Corp.

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

MAKLUMAT PENTADBIRAN

Tarikh	15 Mei 2025 11 November 2025
Tempat	Atas Talian (Online)
Masa	9.00 pagi - 1.00 petang
Kaedah Pembelajaran	Syarahan
Yuran	RM300.00
Mata SSM CPE	4 mata

CARA PENDAFTARAN?

STEP 01

Melalui pendaftaran atas talian di www.ssm4u.com.my/ecomtrac

STEP 02

PENGGUNA BARU

- Klik **DAFTAR AKAUN BARU**
- Isi **MAKLUMAT PENDAFTARAN**
- Klik **DAFTAR**
- Isi **NAMA PENGGUNA** dan **KATA LALUAN**

PENGGUNA SEDIA ADA

- Isi **NAMA PENGGUNA** dan **KATA LALUAN**
- Klik **LOG MASUK**

STEP 03

- Pilihan latihan
- Semak Tempat Duduk
- Klik Tambah Peserta
- Isikan Maklumat Peserta
- Klik Hantar
- Semak butiran peserta
- Klik Hantar Pembayaran

Nota: Sila serahkan permohonan anda dalam masa 15 minit. Jika tidak, sistem akan membatalkan transaksi anda secara automatik dan tempat duduk anda akan ditarik balik. Sila mohon semula jika anda ingin meneruskan permohonan. Bayaran penuh hendaklah dibuat semasa pendaftaran.

SEKSYEN 17A AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 & TATACARA MENCUKUPI

TERMA & SYARAT UNTUK PENDAFTARAN PROGRAM LATIHAN ANJURAN BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (BALPP)

MOD PEMBAYARAN

- Semua pendaftaran program latihan WAJIB dilakukan melalui <https://ssm4u.com.my/ecomtrac>. Selepas pendaftaran, peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan terma dan syarat ini.
- Pembayaran secara tunai dan cek tidak diterima berkuatkuasa mulai Januari 2021.

PAUTAN AKSES WEBINAR

- E-mel notifikasi beserta pautan untuk mengakses webinar akan dihantar sekurang-kurangnya 24 jam sebelum webinar bermula.
- Pautan yang diberi adalah khusus untuk peserta berdaftar dan tidak boleh diberikan atau dikongsikan dengan individu lain.

SIJIL PENYERTAAN

- Peserta yang menghadiri program latihan sepenuhnya akan diberikan Sijil Penyertaan selepas bayaran diterima.
- Peserta hanya dibenarkan menghadiri SATU program latihan sehari untuk layak mendapat sijil penyertaan. Permohonan tuntutan bayaran balik fi tidak akan dilayan sekiranya anda mendaftar lebih daripada satu program latihan yang dilaksanakan pada tarikh yang sama.
- SSM mengenakan caj pentadbiran sebanyak RM30.00 bagi setiap salinan untuk sebarang penggantian sijil berikutan kesilapan nama atau nombor kad pengenalan yang telah diisi oleh peserta / wakil semasa pendaftaran atau kehilangan sijil, dsb.

PEMBATALAN / KETIDAKHADIRAN

- Tiada permohonan tuntutan bayaran balik akan dilayan sekiranya peserta gagal menghadiri sesuatu program latihan.
- Pertukaran peserta yang telah didaftarkan adalah tidak dibenarkan.

PERTUKARAN

Sebarang pertukaran fi pendaftaran ke program latihan lain adalah tidak dibenarkan.

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Maklumat peribadi anda dan maklumat lain yang diberikan dalam permohonan ini termasuklah maklumat tambahan yang anda kemukakan kemudian mungkin akan digunakan dan diproses oleh BALPP / SSM sebagai rujukan pada masa akan datang untuk berkomunikasi dengan anda mengenai program / acara kami. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, kami ingin mendapatkan izin dan persetujuan anda untuk menggunakan data peribadi anda. Sekiranya anda tidak setuju dengan pemrosesan dan pendedahan data peribadi anda, sila e-mel kepada kami di comtrac@ssm.com.my.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah penyedia latihan berdaftar PSMB di bawah GOV1000117857. Latihan ini boleh dituntut di bawah Skim SBL (majikan perlu memohon geran sekurang-kurangnya sehari sebelum tarikh latihan).

HAKCIPTA

Bahan-bahan program latihan adalah untuk kegunaan peribadi peserta sahaja. Tiada bahagian daripada bahan-bahan ini yang boleh disimpan, diterbitkan semula atau dihantar dalam apa jua bentuk atau sebarang cara termasuk fotostat, e-mel dan rakaman tanpa sebarang keizinan bertulis daripada pengarang atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah betul pada masa penulisan. Penilaian dan pandangan yang dinyatakan dalam bahan-bahan ini hendaklah dilayan / dianggap semata-mata untuk maklumat dan perbincangan awam dan ia bukan merupakan nasihat rasmi. Pandangan yang diberikan adalah untuk maklumat umum bagi memberi penjelasan dan pemahaman berkenaan perkara yang dibincangkan. Ia tidak boleh digunakan sebagai alternatif kepada nasihat undang-undang khusus daripada peguam anda atau penyedia perkhidmatan profesional yang lain. Sekiranya anda mempunyai sebarang isu khusus dan / atau pertanyaan berkenaan sebarang perkara undang-undang, anda harus berunding dengan peguam anda atau penyedia perkhidmatan profesional yang lain. Walau apa pun, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan sama ada dalam tindakan kontrak, kecuaihan atau salah laku yang timbul daripada kandungan-kandungan dalam bahan-bahan ini.

PENAFIAN

SSM berhak membatalkan program latihan, meminda tarikh, tempat, penceramah atau sebarang perubahan lain disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka yang mungkin timbul tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada peserta. SSM juga berhak membuat pindaan alternatif tanpa notis awal. SSM tidak bertanggungjawab terhadap kematian, penyakit, kecederaan, kehilangan atau kerosakan mana-mana harta kepunyaan atau kerugian kewangan oleh mana-mana individu yang menghadiri program latihan, walau apapun puncanya. SSM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos, kerosakan atau kerugian yang ditanggung oleh peserta akibat pindaan dan / atau pembatalan. SSM tidak bertanggungjawab terhadap integriti komputer atau peranti peserta, liputan internet jalur lebar (internet signal bandwidth) anda atau sebarang pertimbangan lain di luar kawalan SSM.

SSM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah atau kerosakan teknikal, termasuk, tanpa had, tindakan, ketinggalan, masalah atau kerosakan mana-mana rangkaian telefon atau talian, sistem komputer dalam talian, pelayan (server), peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel, kesesakan liputan internet (traffic congestion) atau mana-mana laman sesawang atau gabungannya.

Semua maklumat yang terkandung dalam brosur ini adalah betul dan tepat pada masa penerbitan.

BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN (BALPP)



Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Tingkat 12, Menara SSM@Sentral
No.7, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur



+603 2299 5498 / 4441 / 5308



+603 2299 4451 / 4452



comtrac@ssm.com.my